Wadah Pembaharuan
BH ONLINE

Kekurangan guru hanya sementara - Alimuddin

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim - September 19, 2023 @ 2:14pm
mohd_iskandar@bh.com.my



Bekas Ketua Pengarah Pendidikan, Tan Sri Alimuddin Mat Dom. - Foto fail NSTP

PUTRAJAYA: Isu kekurangan lebih 20,000 guru di seluruh negara seperti didedahkan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) hanya bersifat sementara.

Bekas Ketua Pengarah Pendidikan, Tan Sri Alimuddin Mat Dom, yakin Kementerian Pendidikan (KPM) sedang melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif untuk menangani isu berkenaan.

"Saya berpandangan isu kekurangan guru ketika ini hanya bersifat sementara kerana sudah tentu pihak KPM akan mengisi kekosongan itu dengan segera.

"Jadi, untuk mengatakan berlaku kekurangan, saya melihatnya tidak tepat kerana KPM ada sasaran mereka dari segi jumlah pendidik selain bekalan guru ini turut disalurkan oleh universiti awam dan swasta," katanya kepada BH, hari ini.

Presiden NUTP, Aminuddin Awang sebelum ini mendakwa sekolah di seluruh negara mengalami kekurangan lebih 20,000 guru ketika ini dan masalah perlu diselesaikan segera.

Malah, katanya, isu kekurangan guru yang sebelum ini dikaitkan dengan sekolah di pedalaman, sudah 'menular' ke institusi pendidikan itu di kawasan bandar.

Dakwanya, hampir semua sekolah di seluruh negara kini berdepan masalah kekurangan guru kerana tiada tenaga pengajar baharu ditempatkan bagi menggantikan mereka yang sudah bersara.

Mengulas lanjut, Alimuddin berkata, kekurangan guru bukan disebabkan tiada tawaran dibuka oleh KPM, sebaliknya disebabkan beberapa faktor yang menyumbang kepada berlakunya kekosongan jawatan terbabit.

Antaranya disebabkan ada kalangan ahli pendidikan yang bersara awal, berdepan masalah kesihatan yang mengakibatkan mereka tidak boleh mengajar dan faktor berpindah sekolah.

"Jadi apabila faktor ini berlaku, pengisian kekosongan itu tidak dapat dilaksanakan, namun bagi saya KPM ada data seperti jumlah guru serta bidang yang diperlukan.

"Apabila kekosongan itu tidak dapat diisi, berlakulah kekurangan. Namun, ia hanya sementara kerana KPM akan berusaha mengisi kekosongan yang ada," katanya.

Selain itu, beliau berkata, pengetua sekolah serta Pejabat Pendidikan Daerah kebiasaannya akan mengambil inisiatif melantik guru sementara di sekolah yang mengalami kekurangan tenaga pengajar.

"Sebab itu saya berpandangan untuk bercakap isu kekurangan (guru) semata-mata, adalah tidak tepat," katanya.

KPM sebelum ini, membuka pengambilan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 tahun 2023 bagi mengatasi masalah kekurangan guru membabitkan 19,000 kekosongan di seluruh negara.

Ketika ini ada kira-kira 418,000 guru di seluruh negara yang ditempatkan di 10,225 sekolah rendah dan menengah.